

17 FEB 1999

KURUP KESAL PERBUATAN ROSAKAN PAPAN TANDA PM DI KENINGAU

KOTA KINABALU, 17 Feb (Bernama) -- Timbalan Ketua Menteri Datuk Joseph Kurup hari ini menyatakan rasa kesalnya terhadap tindakan golongan tertentu yang merosakkan papan tanda khas bagi menyambut kedatangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Keningau, Jumaat ini.

Menurut beliau, perbuatan itu menunjukkan sikap tidak bertanggungjawab dan kegagalan mereka menghargai kehadiran Perdana Menteri ke daerah itu.

"Lawatan beliau ke daerah ini sepatutnya diraikan dengan penuh kegembiraan dan kebanggaan oleh penduduk di sini," katanya dalam kenyataan di sini.

Beliau juga mengecam tindakan pihak-pihak yang menyebarkan khabar angin kononnya Perdana Menteri tidak jadi melawat daerah itu.

"Ini tidak benar sama sekali," kata beliau.

Golongan terbabit sepatutnya menghargai segala bantuan yang telah diberikan oleh kerajaan Barisan Nasional (BN) Sabah yang mengamalkan konsep perkongsian kuasa bagi menyatupadukan rakyat pelbagai kaum di negeri ini, katanya.

-- BERNAMA

JS PR